**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

## KERATAN AKHBAR
## 18 APRIL 2018 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - Awas! Lopak di JalanMewah 4 | 27 |
| **Sinar Harian** | |
| - Ambil tindakan | 21 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>18 APRIL 2018 (RABU) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Awas! Lopak di Jalan Mewah 4 |
| Muka Surat | 27 |




KETUA Biro Aduan Dun Teratai Ben liew Pok Boon (depan) bersama penduduk menunjukkan jalan rosak berhampiran Pangsapuri Kos Rendah Pandan Mewah, Ampang Jaya, Selangor baru-baru ini.




PENUNGGANG wanita ini terpaksa berhati-hati setiap kali melalui jalan di Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah.

um 18/4/18 m/s 27

Kerosakan teruk sejak lebih setahun

# Awas! lopak di Jalan Mewah 4

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusangroup.com.my

**AMPANG JAYA 17 APRIL**

KEWUJUDAN lopak besar di Jalan Mewah 4, dekat sini menimbulkan masalah besar bukan sahaja kesesakan lalu lintas, tetapi mendedahkan pengguna kepada bahaya.

Difahamkan, kerosakan permukaan di laluan itu berlarutan sejak setahun lalu tanpa ada sebarang kerja-kerja baik pulih dilaksanakan pihak bertanggungjawab.

Sehubungan itu pihak berkenaan digesa turun padang bagi mengatasi masalah itu dengan segera.

SIAPA PEDULI?




KEGAGALAN pihak berkuasa tempatan melaksanakan kerja-kerja baik pulih menyebabkan jalan rosak teruk berterusan di sekitar Taman Mewah, Selangor – UTUSAN/AHMAD MUZAMMIL HAFLAN

## info JALAN ROSAK

- **Lokasi :** Jalan Mewah 4, Taman Pandan Mewah
- **Punca kerosakan :** Kualiti turapan rendah kenderaan berat dan cuaca
- **Jenis kerosakan :** Pengikihan,mendapan
- **Seliaan :** Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## REAKSI

PBT PERLU BERTINDAK



KENDERAAN muatan berat yang kerap melalui jalan ini tanpa kawalan memburukkan lagi keadaan jalan raya di sini."

**SYAFIQ SULAIMAN, 28**
Penduduk Pandan Indah



"KEADAAN bertambah sulit apabila cuaca hujan dan rata-rata penduduk akan cuba mengelak melalui laluan ini termasuk pejalan kaki."

**CHIN LOY MIN, 70**
Penduduk Pandan Mewah



"KERJA-kerja turapan termasuk di kawasan Pangsapuri Kos Rendah Pandan Mewah ini perlu dilaksanakan pihak berwajib bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna."

**S. THIRU, 57**
Penduduk Pandan Mewah

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 18 APRIL 2018 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Ambil tindakan |
| Muka Surat | 21 |

SH 18/4/18 m/s 21

# Ambil tindakan

*MPAJ pungut kereta buruk ditinggal di kawasan parkir*

ISMADI ISMAIL

PANDAN JAYA



ABD HAMID

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memandang serius berhubung aduan masyarakat berhubung isu kereta terbiar yang di parkir di kawasan parkir flat di sekitar Ampang Jaya.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, MPAJ kini sedang melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan pungutan kereta buruk yang ditinggalkan pemilik kenderaan.

"Kita mendapati kenderaan terbiar itu sudah tidak boleh digunakan serta tiada cukai jalan, kita akan meletakkan notis agar pemilik mengalihkan kenderaan tersebut ke lokasi lain," katanya.

Menurutnya, MPAJ akan mengambil tindakan mengangkut kenderaan itu sekiranya pemiliknya gagal memindahkan kenderaan itu apabila notis tersebut tamat selepas tempoh dua minggu.

"Kita akan menghantar kenderaan itu ke depoh yang disediakan di Taman Melawati dan Pandan Indah. Kita akan mengambil kenderaan itu mengikut ruang kekosongan yang ada di depoh kerana jumlah kenderaan buruk ini agak banyak serta ruang stor pula terhad.

"Pelupusan itu akan dilaksanakan apabila pemilik tidak datang ambil kenderaannya setelah diiklankan," katanya.

Abd Hamid memaklumkan kerja-kerja untuk projek Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) 2018 MPAJ kini di peringkat sebut harga dan tender.

"Sebanyak 46 projek Marris dalam tindakan MPAJ di mana untuk kerja-kerja kejuruteraan seperti pembaikan lampu jalan, longkang dan jalan adalah sebanyak 36 kerja, manakala 10 lagi kerja adalah untuk landskap dan pokok sedang dalam proses iklan," katanya.